

Kuala Lumpur: Oktober dua tahun lalu dalam majlis lelongan di Christie, New York, sebuah lukisan yang dihasilkan oleh kecerdasan buatan (AI), dijual pada harga RM1,787,954 (USD432,500).

Lukisan bertajuk *Edmond de Belamy, from La Famille de Belamy* terjual pada harga yang jauh lebih tinggi berbanding karya artis pop art, Andy Warhol yang hanya dibida pada harga RM310,049 (USD75,000) pada majlis yang sama.

Kejayaan lelongan ini menjelaskan kemungkinan dunia seni halus masa hadapan akan didominasi AI, tetapi adakah robot mempunyai hak terhadap harta intelek?

Pensyarah Undang-Undang Universiti Teknologi MARA (UiTM), Prof Madya Rohazar Wati Zuallcoble, berkata persoalan AI dan hak cipta menarik untuk dibincangkan selari dengan perkembangan Revolusi Industri 4.0 (IR4.0) yang semakin hampir.

IR4.0 yang berasaskan teknologi di setiap lapis kehidupan manusia memungkinkan AI berada di setiap penjurusan kehidupan.

"Bagaimanapun, terdapat implikasi jika AI dianggap sebagai 'pencipta'. Antaranya jangka hayat AI itu sendiri tidak terjangka berbanding manusia yang memiliki 'tarikh luput'."

"Akta Hak Cipta melindungi pengkarya hingga tempoh 50 tahun, tetapi adakah ia akan berbuat demikian kepada AI atau sepanjang AI itu 'hidup'?" kata dia.

Rohazar Wati berkata, satu contoh lain yang lebih menarik katanya, adalah haiwan (walaupun bernyawa) yang tidak mempunyai

hak kepada harta intelek seperti yang dapat dilihat dalam perlelangkhan antara jurugambar British, David Slater berhubung swafoto seekor monyet jenis Macaca di Sulawesi pada 2011.

Dalam kes itu, Slater dalam kunjungan ke Taman Negara Sulawesi Utara, Indonesia meletakkan kamera di tripod sebelum seekor monyet menekan punat kamera berkenaan.

Swafoto monyet itu yang dinamakan kemudian dirujuk sebagai *Naruto* tersebar di seluruh dunia dan menjadi pertikaian besar antara Slater dan Wikipedia pada 2014.

Pertikaian itu disebabkan Wikipedia berpegang kepada undang-undang hak cipta Amerika yang menyebut, *Naruto* tidak memiliki hak terhadap gambar swafoto itu kerana bukan manusia.

Dalam satu glosari terbitan Pertubuhan Hak Cipta Dunia, Geneva pada 1980 pengkarya diterjemahkan sebagai manusia yang menghasilkan kerja seni yang menerima semua jenis saraan atau pampasan yang dibayar kepadainya sepanjang penggunaan karya mereka.

Justeru, apabila karya seni itu tidak diilhamkan manusia maknudnya ia bebas dari hak cipta. Hal ini disebabkan kreativiti dikaitkan sebagai satu ciri penting manusia dan AI tidak memiliki nyata.

Pengarah Institut Kecerdasan buatan Barcelona, Ramón López de Mántaras, dalam laporan di *Lexology.com* menyebut, AI tidak memiliki identiti atau keperibadian yang sah menyebabkan ia tidak boleh memegang hak, selain ia juga bukan 'manusia' bebas.

AI tiada hak harta intelek



Lukisan AI dijual lebih tinggi berbanding karya artis pop art.